

10 JUN 1999

Bakun-Alternatif

NGO CADANG ALTERNATIF KEPADA EMPANGA BAKUN

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Sebuah kumpulan badan-badan bukan kerajaan (NGO), yang menggelarkan dirinya "Gabungan NGO Prihatin mengenai Bakun", mencadangkan kerajaan melaksanakan langkah-langkah penjimatan tenaga dan memastikan stesen-stesen kuasa negara beroperasi pada kadar keberkesanan sepenuhnya sebagai alternatif kepada pembinaan empangan hidro-elektrik yang besar di negara ini.

Dalam satu kenyataan hari ini, gabungan NGO itu berkata langkah-langkah itu belum lagi dilaksanakan di Malaysia manakala negara-negara yang telah melaksanakannya berjaya mengurangkan penggunaan bahan bakar minyak dan kos menjana dengan penjimatan kuasa sahaja.

Menurutnya kajian menunjukkan bahawa sektor perindustrian boleh menjimatkan tenaga sehingga RM685 juta setahun jika ia melaksanakan langkah-langkah penjimatan tenaga.

"Negara perlu mempunyai senarai keperluan tenaga dan bukan sahaja unjuran penggunaan elektrik. Ini bermakna pengumpulan data-data yang boleh dipercayai mengenai jenis tenaga yang boleh dihasilkan dan jumlah berbeza yang digunakan di negara ini, bagi kegunaan domestik dan perindustrian," katanya.

Gabungan NGO itu mengulas pengumuman kerajaan, pada Selasa lepas, untuk meneruskan projek Bakun berdasarkan skala yang lebih kecil.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa projek Bakun di Sarawak akan diteruskan dengan Tenaga Nasional Berhad memainkan peranan utama dan projek itu akan membekalkan kuasa hanya ke Sabah dan Sarawak.

Projek itu, yang ditangguhkan pada 1997 berikutan kegawatan ekonomi serantau, pada asalnya dicadangkan untuk membekalkan kuasa ke Semenanjung Malaysia juga.

Malaysia perlu mengoptimumkan kesepadanan antara sumber tenaga dan penggunaan bagi mengelakkan pembaziran dan mengenal pasti lebih banyak sumber-sumber yang diperbaharui, kata gabungan NGO itu dan menganggap empangan hidro-elektrik bukan sumber yang diperbaharui.

Pada mulanya, empangan Bakun, yang sepatutnya mempunyai kapasiti 2,400 megawatt dengan kawasan itu akan dibanjiri air yang dipercayai seluas Singapura, memerlukan penempatan semula 10,000 orang asli yang menduduki 15 rumah panjang.

"Memandangkan empangan ini sudah dikurangkan skalanya (kepada 500 MW), tidak lagi perlu menempatkan semula orang asli itu," kata gabungan NGO itu.

Kumpulan itu juga menentang cadangan untuk meneruskan relau lebur aluminium di Bintulu, yang digunakan pada awal 1980an sebagai justifikasi kepada empangan Bakun.

"Peleburan aluminium ialah satu persekitaran yang toksik dan memerlukan banyak tenaga. Mengapa kita perlukan industri yang toksik dan menjana banyak tenaga seperti relau lebur aluminium," kata kumpulan itu.

Menurut gabungan NGO itu, pengalaman luas dengan empangan-empangan hidro-elektrik menunjukkan bahawa "ia memusnahkan alam sekitar" dan mempunyai jangka hayat tetap dengan ia perlu dimusnahkan dengan belanja yang besar.

"Sebab itu Bank Dunia tidak lagi membiayai empangan seperti itu lagi," katanya.

-- BERNAMA

AU NAK

